

16 JUN 1998

MAHATHIR-BANK/I

MAHATHIR TEGUR BANK KERANA KENAKAN KAWALAN KREDIT KETAT

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas bank-bank tempatan kerana mengenakan syarat-syarat kredit yang ketat ke atas para peminjam, sambil berkata bahawa "jika mereka tidak percaya terhadap ekonomi negara, lebih baik mereka tutup sahaja."

Beliau yang tidak begitu gembira dengan kekurangan sokongan mereka dalam menjana aktiviti perniagaan dalam masa kelembapan sekarang, katanya bank-bank menuntut agar para peminjam membayar sehingga 100 peratus bon prestasi daripada 10 peratus sebelumnya.

Banyak orang berniaga telah terjejas oleh peraturan itu yang membantutkan ekonomi, beliau memberitahu pemberita semasa lawatan ke bandaraya multimedia berteknologi tinggi di sini.

Bon prestasi adalah satu alat yang diberikan oleh bank kepada seseorang peminjam yang melaksanakan projek di mana peminjam disabitkan sekiranya berlaku kemungkiran.

Dalam kes projek mengalami masalah atau jika terdapat kemungkiran, pihak yang memberikan kontrak boleh menebus bon prestasi kepada nilai kontrak itu menurut syarat-syarat yang ditetapkan.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak meminta bank mengenakan syarat yang ketat seumpama itu tetapi "jelaslah, mereka lebih mengambil berat terhadap kepentingan mereka daripada menyokong perniagaan."

"Bank-bank telah mengetatkan cengkaman sehinggakan orang ramai tidak boleh berniaga... terdapat terlampau banyak syarat dikenakan oleh bank-bank ke atas mereka itu yang membantutkan ekonomi," katanya.

"Satu hari kelak, apabila bank-bank tidak mempunyai urusaniaga, mereka akan meraung minta bantuan daripada kerajaan," katanya.

Mengenai seburuk mana masalah itu, katanya "ia akan menjadi buruk jika mereka tidak mengurangkannya balik kepada 10 peratus."

Perdana Menteri juga melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pengusaha-pengusaha bank yang terus menyatakan: "Ya, kami mahu buat ini, kami setuju dengan kerajaan, tetapi di peringkat bawahan, saya dapat aduan mengenai kekurangan kerjasama bank-bank."

Dalam usaha mengatasi masalah itu, katanya beliau akan memaklumkan kepada timbalannya dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mengkaji perkara itu, sambil menambah bahawa "kita mempunyai terlalu banyak masalah dengan bank-bank (terhadap) kekurangan kerjasama mereka."

Katanya bank-bank kita tidak sanggup meminjamkan wang dan menyimpan wang kepada diri sendiri dan malahan menarik balik kemudahan-kemudahan kredit.

"Apa yang dilakukan oleh bank-bank ialah mengetatkan ekonomi, yang pada akhirnya akan membantutkan perniagaan dan jika ekonomi menguncup, banklah yang akan turut menerima bahannya," katanya.

"Saya tidak boleh faham kenapa mereka tidak percaya terhadap ekonomi negara ini, jika mereka tidak percaya terhadap ekonomi, lebih baik mereka tutup," katanya.

-- BERNAMA

ES AD OS